

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG]

SOALAN :

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik kes-kes jenayah di Sibu sejak tahun 2008 hingga 2019 dan jenis kes jenayah secara terperinci. Berapakah jumlah kes yang telah berjaya dibawa dan dijatuh hukuman ke mahkamah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

Berdasarkan rekod statistik Polis DiRaja Malaysia (PDRM), jumlah keseluruhan jenayah indeks di Daerah Sibu yang dilaporkan bagi tahun 2012 hingga 31 Mei 2019 adalah sebanyak 7,886 kes. Tahun 2013 mencatatkan kejadian jenayah yang paling tinggi iaitu 1,544 kes diikuti oleh tahun 2012 dengan 1,469 kes.

Dari segi jenis kesalahan, kes curi motosikal mencatatkan laporan tertinggi iaitu sebanyak 2,664 kes, diikuti oleh pecah rumah (1,666 kes) dan curi (1,510 kes). Jenayah indeks yang paling rendah dilaporkan bagi tempoh tersebut adalah samun bersenjata api iaitu dua (2) kes.

Secara keseluruhannya statistik jenayah indeks jenayah indeks di daerah Sibu bagi tempoh tahun 2012 sehingga 31 Mei 2019 menunjukkan penurunan yang memuaskan. Sebagai contoh, statistik jenayah indeks dari tahun 2013 dengan 1,544 kes menurun secara konsisten kepada 1,262 kes pada tahun 2014, 883 kes pada tahun 2015, 807 kes pada tahun 2016, 756 kes pada tahun 2017 dan seterusnya menurun kepada 732 kes pada tahun 2018.

Daripada 7,886 kes jenayah indeks yang dilaporkan bagi tempoh yang sama, sebanyak 1,071 kes atau 16.0% kes telah dituduh di mahkamah.